

Agama semakin

UM 1 1 DEC 2002

Oleh ISMAIL DAUD
dan ZAINI RABAN

SHAH ALAM 10 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, agama semakin diperlukan dan semakin relevan pada masa ini walaupun sains boleh menghuraikan kejadian setiap benda manakala tamadun dunia sudah begitu tinggi.

Perdana Menteri berkata, sains dan tamadun bukan pengganti kepada agama kerana kegawatan dan ketidakadilan pada hari ini jelas menunjukkan bahawa manusia tetap memerlukan agama.

Menurutnya, sehingga kini, sains tidak dapat menjawab persoalan tentang mengapa sesuatu kejadian itu berlaku walaupun ia boleh menghuraikan bagaimana ia berlaku.

Katanya, setiap kali para saintis cuba menghuraikan persoalan mengapa sesuatu terjadi, ia hanya akan menjawab persoalan bagaimana dan akhirnya menyimpulkan bahawa kejadian itu adalah semula jadi.

Sains, katanya, boleh menghuraikan bahawa percen-

tuman dua atom hidrogen dan satu atom oksigen akan menghasilkan air (H₂O) tetapi sains tidak mampu menjawab mengapa atom hidrogen dan oksigen yang diperlukan dan bukannya atom yang lain.

“Seseorang itu boleh mengatakan bahawa ia kejadian semula jadi tetapi dia juga boleh menyatakan bahawa wujud satu kuasa yang menjadi semua itu.

“Dan kuasa itu ialah kuasa Tuhan. Kuasa besar itu ialah jawapan kepada persoalan mengapa,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Fellowship Buddha Sedunia di sini hari ini.

Dr. Mahathir menegaskan, tanpa mengira sehebat mana ilmu sains itu, pencapaian dalam bidang tersebut tidak akan dapat dikecapi tanpa keizinan dari Tuhan.

Bagaimanapun, tegasnya, ilmu sains perlu terus dipelajari, dikembangkan dan digunakan tetapi ia tidak seharusnya menjadi seseorang itu angkuh sehingga boleh menyimpulkan bahawa tiada tempat bagi agama di dunia ini.

Katanya, mereka yang menyatakan bahawa sains telah menggantikan Tuhan ialah mereka yang telah hilang arah dalam kehidupan.

diperlukan — PM

Beliau berkata, inilah yang menjadikan ada pihak yang bersedia untuk melupakan perintah agama dan sanggup mentakrifkan semula agama dalam usaha mewajarkan peperangan.

“Perlu ada pemahaman tentang agama. Mereka perlu kembali kepada agama dan tidak membiarkan perasaan marah dan emosi menguasai diri,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kesedaran yang tinggi terhadap hak asasi manusia seperti kebebasan bersuara dan kebebasan memilih kerajaan pula menggambarkan tamadun manusia pada hari ini sudah begitu sempurna.

Katanya, sebahagian manusia percaya bahawa dengan tamadun yang tinggi itu, agama tidak lagi diperlukan kerana manusia sudah boleh membezakan nilai yang baik tanpa rujukan kepada agama.

Dalam ucapannya itu, beliau juga membidas golongan yang memuja dan terlalu mementingkan kekayaan dengan memperkenalkan konsep globalisasi.

Katanya, golongan itu cuba menghapuskan apa sahaja yang menghalang mereka daripada membuat duit termasuk sempadan, bangsa dan kerajaan negara lain.

Katanya, bagi golongan tersebut, Tuhan ialah kekaya-

an dan ini ditunjukkan menerusi jumlah wang yang ada walaupun mereka tidak mengakui bahawa Tuhan mereka adalah wang.

Mereka ini, katanya, akan memusnahkan hidup berjuta-juta manusia semata-mata untuk memenuhi sifat tamak mereka terhadap wang.

Keadaan ini, tegas Dr. Mahathir, amat berbeza dengan ajaran agama yang menekankan soal nilai rohani yang baik.

Mengenai Islam, Dr. Mahathir berkata, Islam menerima kewujudan semua agama lain dan memahami bahawa akan terdapat perbezaan antara agama.

Katanya, hari ini, Islam dan umatnya telah dikutuk kerana tindakan segelintir umat Islam yang terlibat dalam kegiatan keganasan.

“Saya merasakan bahawa menjadi tugas semua orang Islam untuk memperbetulkan tanggapan salah terhadap Islam ini kerana ia bukan gambaran kepada ajaran Islam.

“Tentunya, skandal seks melibatkan paderi Kristian tidak boleh dikaitkan dengan agama Kristian. Ia adalah kesilapan manusia,” katanya.